

Budaya bukan punca konflik Islam, Barat

Persengketaan global didorong keinginan luaskan kuasa: PM



KONFRONTASI antara Islam dan Barat bukan berpunca daripada pertembungan budaya, agama atau tamadun, sebaliknya disebabkan perbezaan matlamat dan kaedah mencapainya serta kegagalan dunia mewujudkan orde global yang mendokong keamanan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata persengketaan global kini lebih didorong keinginan untuk meluaskan kuasa, menguasai serta memaksa pihak lain menerima doktrin masing-masing.

Beliau berkata, ia turut berpunca daripada faktor seperti berlakunya rampasan sumber dan penaklukan

negara lain serta pembunuhan terhadap lelaki, wanita selain kanak-kanak yang tidak berdosa.

Katanya, ketegangan yang wujud diburukkan lagi dengan imej berterusan keganasan dan kemusnahan yang sebahagian besar daripadanya berlaku di dunia Islam serta benua Arab seperti kematian 70,810 orang awam di Iraq, tahun lalu.

"Bolehkah anda membayangkan 70,000 orang awam dibunuh atau cedera di United Kingdom atau Amerika Syarikat dalam setahun?" katanya dalam ucapan bertajuk 'Barat dan Islam: Menghapus dan Mendefinisikan Ketegangan Masa Kini' di Institut Antarabangsa bagi Kajian Strategik (IISS) di sini, semalam.

Turut hadir, Pengarah dan Ketua Eksekutif IISS, Dr John Chipman. Perdana Menteri tiba di sini Ahad lalu, untuk lawatan kerja dua hari sebelum berlepas ke Zurich petang semalam bagi menghadiri Forum

Ekonomi Dunia (WEF) di Davos, Switzerland.

Abdullah yang juga Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) berkata, usaha bersama kedua-dua pihak bagi menangani isu yang menjadi punca pertembungan antara Islam dan Barat perlu untuk mengu-

“Bolehkah anda bayangkan 70,000 orang awam dibunuh atau cedera di United Kingdom atau Amerika Syarikat dalam setahun?”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

rangkan ketegangan yang wujud.

"Kita tidak boleh mengelak daripada memberi keutamaan kepada penyelesaian berhubung isu Palestin. Seperti yang saya nyatakan, ia sebab paling besar yang memecahbelahkan kita (Islam dan Barat).

"Jika kita dapat menyelesaikan isu ini secara adil dan saksama mengikut resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), sebahagian besar punca konflik dan ketidakstabilan di Asia Barat akan lenyap," katanya.

Abdullah berkata, Barat dan dunia Islam berkongsi banyak persamaan terutama dalam aspek agama, nilai dan budaya.

"Kami juga berpegang kepada prinsip undang-undang antarabangsa yang ditetapkan dalam piagam PBB. Negara Islam mahu melindungi kedaulatan, tanah air, sumber dan rakyat mereka seperti yang dimahukan Barat," katanya.